

TARIKH: 3/1/2023

SURAT KHABAR: BERITA HARIAN

MUKA SURAT: 14



Penuntut dan tenaga pengajar ILP Kuala Terengganu baik pulih secara percuma peralatan elektrik mangsa banjir di Taman Desa Tanjung Damai, Gong Badak. (Foto Ghazali Kori/BH)

ILP tawar khidmat percuma perbaiki barang elektrik

Kuala Nerus: Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Terengganu tampil menawarkan khidmat baik pulih barangan elektrik yang ditenggelami banjir secara percuma.

Program dengan kerjasama Pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) Tepoh itu memabitkan 70 penuntut dan 20 tenaga pengajar.

Pengarah ILP Kuala Terengganu, Kamaludin Tomiran, berkata pihaknya terpanggil membantu meringankan beban lebih 1,000 mangsa banjir di Taman Desa Tanjung Damai, Gong Badak di sini.

Beliau berkata, pihaknya akan cuba membaik pulih segera barangan elektrik dengan peralatan yang rosak antaranya kipas, mesin basuh, peti sejuk, televisyen dan ketuhar.

"Sekurang-kurangnya sumbangan kepakaran kami diharap dapat membantu mengurangkan

beban mangsa banjir yang kerugian ribuan ringgit akibat musibah baru-baru ini," katanya.

Kamaludin berkata, pihaknya juga menerima permintaan untuk membaikpulihan barangan elektrik mangsa banjir di daerah Besut.

Justeru, ILP akan menyelesaikan pembaikan barangan elektrik di sekitar daerah ini dulu dan jika kesempatan akan ke Besut selepas ini.

"Tahun lalu, kita membaik pulih barangan elektrik juga secara percuma kepada mangsa banjir di Hulu Terengganu dan hampir 90 peratus kerosakan akibat ditenggelami banjir dapat dibaiki," katanya.

Penduduk, Suhaila Wahid, 47, berkata dia berterima kasih kepada ILP Kuala Terengganu dan pejabat DUN Tepoh membantu meringankan beban mangsa banjir dengan memberi khidmat

secara percuma.

Dia yang juga suri rumah berkata, jika program itu tidak diadakan mereka mungkin perlu mengeluarkan modal lebih besar dengan menghantar barangan rosak ke kedai atau membeli yang baharu.

"Saya bersyukur kerana program ini sedikit sebanyak membantu penduduk baik pulih kerosakan barangan seperti peti sejuk dan mesin basuh," katanya.

Seorang lagi penduduk, Mohd Zulkifly Mohd Jaafar, 42, berkata lebih 10 barangan elektrik rumahnya rosak akibat banjir.

"Saya tidak tahu program ini diadakan kerana separuh daripada barangan elektrik ditenggelami banjir sudah dibuang ketika pembersihan dibuat baru-baru ini.

"Program ini bagus kerana dapat membantu meringankan beban mangsa banjir," katanya.